

A CO - 2239
INV.CAMS. 17/4/c

R
PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

TAHAP KESEDARAN KERJAYA PELAJAR INDIA DI DUA BUAH
SEKOLAH MENENGAH DI PELABUHAN KLANG

Raman A/L Annamalai

Kertas Projek Yang Dikemukakan Kepada Fakulti Pendidikan,
Universiti Malaya Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada
Keperluan Untuk Ijazah Sarjana Pendidikan

2000

Perpustakaan Universiti Malaya



A510146013

04



FAKULTI PENDIDIKAN UNIVERSITI MALAYA

Pengakuan Keaslian Penulisan

Nama Calon: RAMAN A/L ANNAIMALAT

Tajuk Kertas Projek: TAHAP KESEDARAN KERJAYA PELAJAR INDIA DI DUA

BUAH SEKOLAH MENENGAH DI PELABUHAN KLANG

Saya sahkan bahawa segala bahan yang terkandung dalam Kertas Projek ini adalah hasil usaha saya sendiri. Sekira terdapatnya hasil kerja orang lain atau pihak lain sama ada diterbitkan atau tidak (seperti buku, artikel, kertas kerja, atau bahan dalam bentuk yang lain seperti rakaman audio dan video, penerbitan elektronik atau internet) yang telah digunakan, saya telah pun merakamkan pengiktirafan terhadap sumbangan mereka melalui konvensyen akademik yang bersesuaian. Saya juga mengakui bahawa bahan yang terkandung dalam Kertas Projek ini belum lagi diterbitkan atau diserahkan untuk program atau ijazah lain di mana-mana universiti.

Tandatangan: Tarikh: 23.02.2000

PENGHARGAAN

Ucapan terima kasih saya rakamkan kepada Prof. Suradi Salim selaku penyelia kajian ini yang tidak jemu-jemu dan telah banyak memberi bimbingan, panduan, tunjuk ajar yang amat bermakna sepanjang pengajian saya di Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor Darul Ehsan, Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Hamzah dan Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Raja Zarina kerana memberikan kerjasama semasa menjalankan kajian ini.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ibu bapa, isteri saya: Pn.Theivamani, putera-puteri saya: Mugilan dan Anusha kerana dorongan dan pengorbanan mereka sepanjang pengajian yang membolehkan saya menyempurnakan kajian ini.

Ucapan penghargaan ini tidak akan sempurna jika saya tidak menujukannya kepada rakan saya, V.Raghavan yang telah banyak memberi sokongan dan galakan yang amat bermakna untuk saya menyempurnakan kajian ini.

Raman Annamalai,
No, 11, Jalan Keris 18,
Taman Rashna,
41300 Klang,
Selangor Darul Ehsan.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meninjau kesedaran kerjaya pelajar India di dua buah sekolah menengah di Pelabuhan Klang. Kajian ini juga bertujuan melihat perbezaan tahap kesedaran kerjaya antara jantina, antara tingkatan, perbezaan yang terdapat antara kesedaran kerjaya pelajar berasaskan pekerjaan bapa, kesedaran kerjaya pelajar berasaskan kesediaan memilih pekerjaan, kesedaran kerjaya pelajar diantara yang membuat pemilihan pekerjaan realistik dan tidak realistik serta kesedaran kerjaya pelajar berasaskan sebab mereka memilih sesuatu pekerjaan.

Sampel kajian terdiri dari 160 orang pelajar tingkatan 3 dan tingkatan 4. Dua set instrumen digunakan dalam kajian ini. Instrumen pertama ialah Inventori Kesedaran Kerjaya Fadale, (Fadale 1974a) digunakan untuk meninjau tahap kesedaran kerjaya pelajar. Instrumen kedua yang digunakan ialah Soal Selidik Pelajar. Soal Selidik Pelajar digubal untuk mendapatkan maklumat demografi pelajar dan jenis pemilihan pekerjaan dan sebab pemilihan pekerjaan pelajar.

Hasil kajian dapat dirumuskan seperti berikut:

1. Kesedaran kerjaya pelajar India yang terlibat dalam kajian ini pada keseluruhannya di tahap baik. Ini memandangkan min skor yang diperolehi adalah 91.68. Min skor ini terletak di aras nilai tertinggi dalam skala nilai yang direka oleh Fadale. (1974b)

2. Kesedaran kerjaya pelajar lelaki India tidak berbeza daripada kesedaran kerjaya pelajar perempuan India.
3. Terdapat perbezaan kesedaran kerjaya yang signifikan di antara pelajar dari tingkatan 3 dengan tingkatan 4. Pelajar tingkatan 4 mempunyai kesedaran kerjaya lebih tinggi daripada pelajar tingkatan 3.
4. Terdapat perbezaan yang signifikan antara kesedaran kerjaya pelajar India berasaskan jenis pekerjaan bapa. Terdapat perbezaan dari segi kesedaran kerjaya di antara pelajar yang datang dari kumpulan pekerjaan bapa bidang teknikal dan profesional dengan pelajar yang datang dari kumpulan pekerjaan bapa bukan profesional.
5. Tidak terdapat perbezaan kesedaran kerjaya pelajar India berasaskan kesediaan pelajar memilih sesuatu pekerjaan.
6. Tidak terdapat perbezaan kesedaran kerjaya pelajar India di antara pelajar yang membuat pemilihan pekerjaan realistik dan tidak realistik.
7. Tidak terdapat perbezaan di antara kesedaran kerjaya pelajar India berasaskan sebab mereka memilih sesuatu pekerjaan.

Hasil kajian mendapati bahawa terdapat perbezaan antara kesedaran kerjaya pelajar India dengan tahap pengajian dan berasaskan pekerjaan bapa. Bagaimanapun, hasil kajian mendapati tiada perbezaan di antara kesedaran kerjaya dengan jantina, kesediaan pelajar memilih sesuatu pekerjaan, di antara pelajar yang membuat pemilihan pekerjaan realistik dan tidak realistik serta sebab pelajar memilih sesuatu pekerjaan.

THE LEVEL OF CAREER AWARENESS AMONG INDIAN STUDENTS IN TWO SECONDARY SCHOOLS IN PORT KLANG

ABSTRACT

The main objective of this research is to get an insight of the career awareness of the Indian students in Port Klang. Apart from the above, this study also intends to identify: the difference in the level of career awareness among different gender and form (class), the different state of career awareness based on parents occupation, the career awareness of the students based on their choice of occupation, the career awareness between pupils who choose realistic occupation and non realistic occupation, career awareness based on why a particular occupation was chosen.

The case study involved 160 form 3 and form 4 samples. Two sets of instruments were utilised in this study. The first instrument is Career Awareness Inventory (Fadale 1974b). This instrument was used to explore the level of career awareness among pupils. Questionnaires were also used as instrument. The questionnaires were devised to get demographic information, types of career choice and the reasons for choosing the occupation.

Conclusion of the study carried out:

1. Career awareness of the Indian students who took part in this study is good. This is because the score min is 91.68. This score min is on top in Fadale's Career Awareness scale.
2. Career awareness among male and female Indian students do not vary.

3. There is significant difference in career awareness among the form 3 and form 4 students. The form 4 pupils have a higher career awareness compared with the form 3 pupils.
4. There is a significant difference in career awareness among the Indian pupils based on parental occupation. There is also a difference in career awareness between students whose parents are involved in the technical and professional field and students whose parents are non professional.
5. There is no difference in career awareness among Indian students based on their choice of career.
6. There is no difference in career awareness between Indian students who chose realistic occupation and non realistic occupation.
7. There is no difference in career awareness among Indian students, based on the reason of choice of a particular occupation.

The study discovered that there is a difference in career awareness based on the level of study and parental occupation. However it was discovered that there is no difference in career awareness among different gender, choice of occupation, choice between realistic and non realistic occupation and the reason why a particular occupation was chosen.

	Halaman
PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	ii
SENARAI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	x
BAB 1 PENGENALAN	1
1.0 Pengenalan	1
1.1 Pernyataan Masalah	3
1.2 Teori-teori Berkaitan Kerjaya	11
1.3 Tujuan Kajian	15
1.4 Soalan Kajian	16
1.5 Definasi Istilah	17
1.6 Kepentingan Kajian	19
1.7 Definasi Operasi	20
1.8 Batasan Kajian	23
BAB 2 TINJAUAN KAJIAN-KAJIAN LEPAS YANG BERKAITAN	24
2.0 Pengenalan	24
2.1 Kajian-kajian Tempatan Yang Berkaitan	24
2.2 Kajian-kajian Luar Negeri Yang Berkaitan	32
2.3 Kesimpulan	36
BAB 3 KEDAH PENYELIDIKAN	37
3.0 Pengenalan	37
3.1 Latarbelakang Sekolah	37
3.2 Sampel kajian	38
3.3 Instrumen Kajian	39
3.3.1 Soal Selidik Pelajar	40
3.3.2 Inventori Kesedaran Kerjaya	41
3.4 Prosedur Kajian	45
3.5 Prosedur Analisa Kajian	46
BAB 4 ANALISA DATA DAN KEPUTUSAN KAJIAN	48
4.0 Pengenalan	48
4.1 Tahap Kesedaran Kerjaya	49
4.2 Perbandingan Kesedaran Kerjaya Pelajar Lelaki India Dengan Pelajar Perempuan India	50
4.3 Perbezaan Tahap Kesedaran Kerjaya Pelajar India Berdasarkan Tahap Pengajian	51

4.4 Perbezaan Tahap Kesedaran Kerjaya Pelajar India Berasaskan Jenis Pekerjaan Bapa	52
4.5 Perbezaan Kesedaran Kerjaya Pelajar India Berasaskan Kesediaan Pelajar Memilih Pekerjaan	55
4.6 Perbezaan Tahap Kesedaran Kerjaya Pelajar India Di antara Pelajar Yang Membuat Pilihan Pekerjaan Realistik Dan Tak Realistik	58
4.7 Perbezaan Tahap Kesedaran Kerjaya Pelajar India Berasaskan Sebab Memilih Sesuatu Pekerjaan	59
4.8 Kesimpulan	61
BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN	64
5.0 Pengenalan	64
5.1 Dapatkan Kajian	65
5.1.1. Tahap Kesedaran Kerjaya	65
5.1.2. Tahap Kesedaran Kerjaya Berasaskan Jantina	66
5.1.3. Tahap Kesedaran Kerjaya Berasaskan Tahap Pengajian	67
5.1.4. Tahap Kesedaran Kerjaya Pelajar Berasaskan Jenis Pekerjaan Bapa	68
5.1.5 Tahap Kesedaran Kerjaya Dan Tahap Kesedariaan Pelajar Memilih Pekerjaan	70
5.1.6 Tahap Kesedaran Kerjaya Pelajar Dengan Pemilihan Pekerjaan Di antara Pekerjaan Realistik Dan Tidak Realistik	71
5.1.7 Tahap Kesedaran Kerjaya Pelajar Berasaskan Sebab Mereka Memilih Sesuatu Pekerjaan	74
5.2. Cadangan Dan Kesimpulan	75
BIBLIOGRAFI	82
LAMPIRAN 1	85
LAMPIRAN 2	135
LAMPIRAN 3	137
LAMPIRAN 4	139
LAMPIRAN 5	141

SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
1 Skor Yang Digunakan Untuk Menentukan Tahap Kesedaran Kerjaya	22
2 Subjek Kajian Mengikut Sekolah Dan Tingkatan	39
3 Tahap - tahap Skor Kesedaran Kerjaya	50
4 Keputusan Analisis Ujian -t Untuk Melihat Perbandingan Kesedaran Kerjaya Di antara Pelajar Lelaki Dan Pelajar Perempuan	50
5 Keputusan Analisis Ujian -t Untuk Melihat Perbezaan Kesedaran Kerjaya Pelajar Berdasarkan Tahap Pengajian	52
6 Keputusan Analisis ANOVA Sehala Dalam Menentukan Perbezaan Di antara Tahap Kesedaran Kerjaya Pelajar India Berasaskan Pekerjaan Bapa	53
7 Ringkasan Ujian Duncan Bagi Melihat Perkaitan Pekerjaan Bapa Berdasarkan Kesedaran Kerjaya Pelajar	54
8 Bilangan Pelajar Mengikut Tahap Kesediaan Memilih Pekerjaan	56
9 Min Dan Sisihan Piawai Bagi Tahap Kesediaan Memilih Pekerjaan Pelajar	56
10 Keputusan Analisis ANOVA Sehala Membandingkan Antara Kesedaran Kerjaya Berasaskan Kesediaan Memilih Pekerjaan	57
11 Peratus Dan Min Pelajar Yang Memilih Pekerjaan Mengikut Kategori Kumpulan Pekerjaan	58

	Jadual	Halaman
12	Keputusan Analisis ANOVA Sehala Dalam Menentukan Perbezaan Tahap Kesedaran Kerjaya Pelajar India Di antara Yang Membuat Pemilihan Pekerjaan Realistik Dan Tidak Realistik	59
13	Sebab - sebab Pemilihan Kerjaya Pelajar	60
14	Keputusan Analisis ANOVA Sehala Dalam Menentukan Perbezaan Kesedaran Kerjaya Pelajar India Berasaskan Sebab Pemilihan Sesuatu Pekerjaan	61

SENARAI RAJAH

Rajah	Halaman
1. A Comprehensive Career Education System	10